

SETINGGAN : ISU DAN CABARAN

Mohamad Sukeri Khalid

Pengenalan

Proses urbanisasi yang melanda sejak beberapa beberapa dekad dahulu telah mendorong kepada kepesatan pembangunan di kawasan bandar-bandar utama. Urbanisasi merupakan satu proses yang melibatkan pembangunan fizikal kawasan-kawasan yang mempunyai penduduk bertumpu dan dikaitkan dengan pertambahan jumlah penduduk di sesebuah kawasan di samping pertambahan bentuk fizikal seperti bangunan, infrastruktur serta kemudahan-kemudahan tempat tertentu. Urbanisasi sukar dielakkan, malah ia perlu berlaku kerana semakin bertambahnya jumlah penduduk di sesuatu kawasan, maka semakin bertambahlah perkhidmatan kepada keperluan dan perkhidmatan. Oleh itu, pembangunan terpaksa diusahakan untuk memenuhi permintaan tersebut (Marcus, et al., 1972: 3-25).

Proses urbanisasi di Malaysia berlaku dengan pesat sejak zaman pemerintahan kolonial British. Urbanisasi di Malaysia sering kali dikaitkan dengan penghijrahan penduduk desa ke bandar yang kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu sebagai menyahut seruan kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat seperti yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Pertambahan bilangan penduduk di kawasan bandar secara tidak langsung telah menaikkan permintaan terhadap keperluan perumahan. Kebanjiran penduduk bandar menyebabkan wujudnya kawasan setinggan di kawasan bandar. Pembangunan perumahan negara telah cuba untuk mengurangkan setinggan dengan pembinaan rumah kos rendah, namun usaha tersebut tidak dapat menyelesaikan masalah setinggan kerana harga rumah yang disediakan masih berada pada tahap yang tinggi bagi golongan berpendapatan rendah di samping penyediaan bilangan unit pembinaan yang masih kurang.

Jika ditinjau daripada jumlah setinggan di Malaysia, kebanyakan penempatan setinggan adalah bertumpu di sekitar kawasan bandar utama seperti Kuala Lumpur,

Johor Bahru, Pulau Pinang serta bandar-bandar lain. Sebagai sebuah kawasan tumpuan ekonomi, kawasan tersebut telah menerima kehadiran setinggan dari masa ke masa. Kebanyakan setinggan berhijrah ke kawasan bandar bertujuan untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Fenomena setinggan sering diperdebatkan oleh perancang-perancang bandar antara satu sama lain iaitu sama ada ianya memberi kepentingan atau sebaliknya.

Pengertian Istilah Setinggan

Secara umumnya istilah setinggan diberikan bagi memberi gambaran tentang rumah-rumah yang didirikan di tepi sungai, tanah kerajaan, tanah untuk kegunaan awam termasuk tanah persendirian yang tidak terjaga, keadaan rumah yang buruk, tidak teratur, tiada kemudahan infrastruktur dan sering diistilahkan sebagai rumah haram. Daripada istilah tersebut dapatlah dikatakan bahawa setinggan ialah satu bentuk penempatan yang tidak tersusun dan pembinaannya adalah atas dasar menceroboh di sesuatu kawasan tanpa kebenaran pemilik tanah. Penempatan tersebut kebiasaannya diwujudkan secara berkelompok oleh satu kumpulan penghijrah ke kawasan bandar.

Menurut Kamus Oxford English pula, setinggan ialah seseorang yang menduduki tanah yang baru terutamanya tanah kerajaan tanpa kebenaran atau seseorang yang menduduki tanah tanpa kebenaran tuan punya tanah di sebarang kawasan yang kosong. Daripada dua pengertian tersebut, maka dapatlah dirumuskan bahawa setinggan ialah satu bentuk penempatan sesak di kawasan bandar yang wujud kesan daripada kemiskinan hidup golongan miskin bandar atau lebih tepat lagi golongan penghijrah.

Latar Belakang Kewujudan Setinggan

Kewujudan penempatan setinggan boleh dikatakan sejajar dengan perkembangan pesat pembangunan di kawasan bandar ekoran daripada proses urbanisasi. Selain itu, terdapat beberapa faktor yang boleh mendorong penempatan setinggan, antaranya adalah proses urbanisasi serta kepadatan penduduk, migrasi dari desa ke bandar, tiada perancangan yang berkesan oleh pihak kerajaan dari segi perumahan, campur tangan daripada golongan berkepentingan dan pemberian Lesen Menduduki Sementara (T.O.L).

1. Urbanisasi dan Kepadatan Penduduk

Tempoh jangka masa antara tahun 1900 hingga 1960 merupakan jangka masa pertambahan penduduk yang begitu cepat bagi seluruh dunia amnya. Dalam jangka

masa tahun 1960, jelas menunjukkan bahawa bilangan penduduk di kawasan bandar negara sedang membangun bertambah hampir lima kali ganda sementara di bandar besar pula melibatkan pertambahan sebanyak lapan kali ganda. Pertambahan jumlah penduduk menyebabkan keperluan perumahan semakin meningkat dan perlu dirancang sebaik mungkin. Pertambahan jumlah penduduk di kawasan bandar menyebabkan masalah perumahan di kawasan bandar semakin berleluasa dan akhirnya akan mewujudkan penempatan setinggan. Fenomena ini juga berlaku di Malaysia, di mana pertambahan jumlah penduduk di kawasan bandar semakin meningkat dari masa ke masa secara mendadak. Di Kuala Lumpur khasnya, proses pembandaran yang pesat telah menyebabkan pertambahan penduduk secara berperingkat-peringkat. Ini adalah kerana proses pembangunan yang pesat berlaku di kawasan tersebut.

Perkembangan bandar raya Kuala Lumpur sebagai pusat ekonomi dan pentadbiran juga mempengaruhi jumlah penduduk. Penghijrahan dari desa ke bandar menyebabkan kawasan bandar semakin sesak dan berlakunya pembangunan yang akan mempengaruhi keadaan di sekitarnya. Komposisi penduduk mengikut kaum di Kuala Lumpur boleh dilihat seperti yang terdapat pada Jadual 1.1.

Jadual 1.1
Komposisi Penduduk mengikut Kaum di Wilayah Persekutuan

Kaum	1980	%	1990	%	2000	%
Melayu	294,200	28.4	502,200	32.4	761,100	34.6
Cina	580,400	55.9	815,300	52.6	1,119,300	50.9
India & lain-lain	162,300	15.7	232,100	15.0	319,600	14.5
Jumlah	1,036,900	100	1,550,200	100	2,200,000	100

Sumber : DBKL; Pelan Struktur, Kuala Lumpur 1984.

Daripada jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa jumlah pertambahan penduduk di Kuala Lumpur adalah agak ketara berbanding seramai 1,036,900 orang pada tahun 1980 dan seterusnya meningkat kepada 1,550,200 pada tahun 1990. Sementara pada tahun 2000 pula, jumlah penduduk di Kuala Lumpur adalah dijangka seramai 2,200,000 orang. Pertambahan penduduk di kawasan tersebut secara tidak langsung akan mewujudkan penempatan setinggan. Ini adalah kerana keperluan perumahan yang tidak mencukupi untuk menampung jumlah penduduk yang agak padat.

2. Migrasi dari Desa ke Bandar

Migrasi telah dan akan menjadi satu elemen yang sangat penting dalam mempengaruhi struktur penduduk di sesuatu kawasan terutamanya di kawasan

bandar. Kebanyakan setinggian tertumpu di kawasan sesak serta tanah-tanah rezab kerajaan. Jelasnya, kawasan yang menjadi perhatian setinggian ialah kawasan yang dahulunya tidak sesuai untuk kediaman seperti kawasan rezab parit dan tali air serta kawasan lereng bukit yang curam. Peningkatan jumlah migrasi sejak pengenalan DEB menyebabkan wujudnya kestabilan kaum di kawasan bandar walaupun ianya masih di tahap yang agak sederhana. Jika semasa pemerintahan kolonial British, kita boleh lihat golongan Cina mendominasi kawasan bandar dan golongan Melayu di kawasan luar bandar. Ini disebabkan dasar pecah dan perintah yang dijalankan oleh kerajaan British pada masa itu.

Namun demikian sejak pengenalan DEB, jumlah komposisi kaum di kawasan bandar sudah mula seimbang dengan penghijrahan masyarakat desa ke bandar yang majoritinya terdiri daripada masyarakat Melayu. Penghijrahan tersebut menyebabkan berlakunya penempatan setinggian di sekitar bandar utama seperti Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur, jumlah setinggian yang terbesar diwakili oleh kelompok kaum Cina, diikuti oleh golongan Melayu dan seterusnya kaum India dan lain-lain. Jumlah penduduk setinggian di Kuala Lumpur boleh dinyatakan melalui Jadual 1.2.

Jadual 1.2
Penduduk Setinggian Kuala Lumpur bagi Tahun 1992

Bangsa	Bilangan setinggian	Peratus (%)
Melayu	65,364	34.2
Cina	85,023	44.5
India	29,023	15.4
Lain-lain	2,117	1.1
Bukan warganegara	8,921	4.7
Jumlah	190,899	100

Sumber : Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan, U.S.M. (1992).

Daripada data di atas, menunjukkan bahawa kaum Cina merupakan penghuni setinggian yang paling ramai di Kuala Lumpur iaitu mewakili 44.5 peratus, manakala orang Melayu mewakili 34.2 peratus, ianya kemudiannya diikuti oleh penduduk setinggian daripada bangsa India dan lain-lain, iaitu masing-masing sebanyak 15.4 peratus dan 1.1 peratus. Kehadiran warganegara asing sebagai setinggian di Kuala Lumpur merangkumi sebanyak 4.7 peratus.

Kepesatan penduduk setinggian di beberapa kawasan bandar disebabkan oleh beberapa faktor tarikan dan faktor tolakan yang mewujudkan kepesatan penempatan setinggian. Antara faktornya adalah seperti terdapatnya banyak peluang pekerjaan, pemberian kawasan Lesen Menduduki Sementara (T.O.L), kos sewaan yang tinggi,

kurang penyelarasan antara jabatan dan pengaruh politik. Kesemua perkara di atas menyumbang kepada kepesatan penempatan setinggan.

Perkembangan yang pesat dalam sektor perindustrian dan perdagangan di kawasan bandar utama mendorong orang ramai berhijrah ke bandar untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Pembukaan beberapa kawasan perindustrian baru menyebabkan keperluan buruh akan meningkat dan perkembangan tersebut akan mewujudkan peningkatan setinggan.

Selain itu, pemberian kawasan T.O.L turut mendorong penempatan setinggan. Ianya seolah-olah memberikan “hak keistimewaan” kepada setinggan. Perkara tersebut menyebabkan setinggan semakin berani untuk mendirikan rumah di atas tanah kerajaan.

Faktor kepesatan setinggan juga disebabkan oleh kos sewaan yang tinggi di kebanyakan kawasan bandar. Fenomena ini wujud disebabkan oleh kurangnya pembinaan rumah kos rendah, kebanyakan orang miskin di bandar tidak mampu untuk membeli dan menyewa rumah. Ini menyebabkan orang ramai yang berhijrah ke bandar lebih berminat untuk menghuni kawasan setinggan.

Kekurangan penyelarasan antara jabatan kerajaan misalnya tanah-tanah rezab kerajaan diserahkan kepada Pejabat Tanah untuk menguruskannya, sedangkan jabatan berkenaan hendaklah bertanggungjawab ke atas apa jua bentuk pencerobohan ke atas tanah di bawah pentadbiran mereka. Ini mendorong orang ramai untuk membina penempatan secara haram di kawasan yang berhampiran dengan tempat kerja mereka.

Campur tangan politik juga memberi galakan kepada perkembangan setinggan melalui penubuhan cawangan parti politik tertentu di setiap kawasan setinggan. Seseorang setinggan merupakan penyokong kepada parti politik di mana tokoh-tokoh politik akan melindungi hak mereka sebagai setinggan. Keadaan ini menguatkan lagi penempatan setinggan di kawasan tertentu.

3. Tiada perancangan yang Cukup oleh Kerajaan dari Segi Perumahan

Perancangan perumahan hendaklah dijalankan secara efektif oleh pihak kerajaan untuk memastikan keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah di bandar mencukupi. Kekurangan rumah yang mampu dimiliki oleh golongan setinggan menyebabkan kepesatan penempatan setinggan. Kebanyakan setinggan sememangnya berhasrat untuk memiliki rumah sendiri secara sah dari segi undang-undang dan keutamaan diberikan kepada perumahan kos rendah. Ini berdasarkan kepada kemampuan membeli rumah dengan pendapatan masa kini penduduk di kawasan setinggan tersebut. Namun begitu terdapat dua masalah besar yang

menghalang mereka dalam usaha mendapatkan tempat tinggal, iaitu jumlah rumah yang terhad dan persaingan dengan pemohon lain.

a. Jumlah rumah yang terhad

Masalah utama yang dihadapi oleh penduduk setinggan dalam usaha memiliki rumah sendiri adalah jumlah rumah kos rendah yang disediakan adalah terhad dan tidak mencapai sasaran pembinaannya. Ini jelas ditunjukkan melalui beberapa rancangan pembangunan perumahan pada Rancangan Malaysia tertentu. Jika ditinjau dari segi prestasi perumahan awam di Malaysia pada Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), pelaksanaan perumahan kos rendah hanya sebanyak 13, 244 unit sahaja yang dibina berbanding dengan 44,000 seperti yang dirancang. Kejayaannya hanya mencapai tahap 86 peratus sahaja.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga pula, prestasinya semakin menurun dengan pencapaian hanya pada tahap 36 peratus sahaja. Daripada 73,500 unit rumah yang dirancang, hanya 26,250 unit sahaja yang siap dibina. Begitu juga prestasi perumahan awam pada Rancangan Malaysia Keempat di mana hanya 40 peratus sahaja pelaksanaannya tercapai. Daripada 176,500 unit yang dirancang hanya 71,300 sahaja yang dibina. Prestasi perumahan tersebut boleh dinyatakan oleh Jadual 1.3.

Jadual 1.3
Prestasi Perumahan Awam di Malaysia, 1971-1985 (unit)

Program pembangunan	Dirancang	Dibina	Peratus
Rancangan Malaysia Kedua (1971-75) semua perumahan awam perumahan kos rendah	100,000 44,000	86,076 13,244	86 30
Rancangan Malaysia Ketiga (1976-80) semua perumahan awam perumahan kos rendah	220,000 73,500	121,500 26,250	55 36
Rancangan Malaysia Keempat (1981-85) semua perumahan awam perumahan kos rendah	398,570 176,500	201,900 71,300	51 40
Jumlah semua perumahan awam	718,570	409,476	57
Jumlah semua perumahan kos rendah	294,000	110,94	38

Sumber : Fifth Malaysia Plan, 1986-1990, (Kuala Lumpur: The Government Press).

b. Persaingan dengan pemohon lain

Memiliki rumah merupakan impian semua orang. Untuk mencapai tujuan tersebut, persaingan yang hebat timbul dengan pemohon-pemohon lain yang

terpaksa melalui berbagai-bagai proses seperti permohonan mendapatkan borang, proses temu duga, pameran bantahan dan proses cabutan undi. Kebanyakan pemohon sukar untuk mendapatkan kelulusan dan sering gagal dalam proses-proses yang tertentu.

Persaingan dengan pemohon-pemohon lain sering menjadi ancaman kepada mereka untuk memiliki rumah. Proses tertentu seperti di atas sering menggagalkan mereka untuk memiliki rumah kerana terpaksa bersaing dengan ramai pemohon lain.

4. Campur Tangan daripada Pihak Berpengaruh

Campur tangan daripada pihak yang berpengaruh seperti tokoh-tokoh politik akan mendorong kepesatan penempatan setinggan. Mereka berasa lebih selamat apabila dilindungi oleh beberapa pihak yang mempunyai pengaruh untuk mempertahankan hak mereka. Dalam konteks ini, pihak yang selalu dikaitkan ialah orang-orang yang berpengaruh, organisasi politik serta kumpulan-kumpulan yang memaksa (*pressure group*). Campur tangan sebegini juga seolah-olah memberi galakan kepada perkembangan setinggan melalui penubuhan cawangan parti-parti tertentu di setiap kawasan setinggan.

Penubuhan parti politik akan mempengaruhi penempatan setinggan di kawasan tertentu. Kebanyakan penduduk setinggan di sesuatu kawasan mempunyai parti politik yang sama dan akan memberi sokongan terhadap tokoh politik. Fenomena seperti ini seolah-olah memberi perlindungan kepada golongan setinggan untuk mempertahankan haknya kerana akan dilindungi oleh tokoh yang berpengaruh.

5. Pemberian Lesen Menduduki Sementara (T.O.L)

Pemberian Lesen Menduduki Sementara (T.O.L) kepada setinggan juga mendorong kepada pengwujudan kawasan setinggan. Sebenarnya tanpa diduga satu kesilapan telah dibuat dalam hal ini, iaitu dengan pemberian T.O.L tersebut bermakna satu keistimewaan telah diberi kepada golongan setinggan dan secara tidak langsung telah mengesahkan pendudukan setinggan tersebut.

Ekoran daripada pemberian T.O.L tersebut, mereka telah membuat permohonan untuk mendapatkan bekalan air dan elektrik dengan disokong oleh pihak-pihak tertentu. Ia seterusnya menggalakkan pertumbuhan setinggan dan menyedak keadaan sedia ada dan dengan berani menyuarakan hak mereka untuk mendapat bekalan air dan elektrik serta infrastruktur lain kerana telah membayar cukai kepada kerajaan melalui T.O.L.

6. Kemiskinan dan Kelemahan Penguatkuasaan

Masalah kemiskinan di kawasan bandar merupakan satu keadaan yang biasa semenjak pengenalan DEB. Penghijrahan penduduk desa ke bandar menyebabkan wujudnya kesesakan di kawasan bandar yang seterusnya akan mewujudkan masalah kemiskinan. Ini kerana kebanyakan penghijrah ialah golongan miskin yang bertujuan untuk mendapatkan pekerjaan di bandar di samping menyahut seruan kerajaan.

Selain itu, kelemahan penguatkuasaan untuk menangani isu setinggan juga merupakan faktor pendorong kepesatan setinggan. Pihak pemerintah seolah-olah tidak mengambil langkah drastik untuk menangani isu setinggan secara keseluruhannya. Beberapa pengkaji menyatakan, kewujudan setinggan adalah penting di sesuatu kawasan pembangunan untuk menyumbangkan tenaga dalam pembangunan tersebut. Kehadiran setinggan sebagai guna tenaga dalam bidang perindustrian amat penting untuk meningkatkan keadaan ekonomi negara.

Jenis-Jenis Penempatan Setinggan

Bentuk penempatan setinggan adalah berbeza antara satu sama lain di beberapa buah negara sedang membangun. Ianya dipengaruhi oleh keadaan fizikal, sosial, ekonomi dan politik sesebuah negara. Beberapa contoh setinggan akan dinyatakan sebagai perbandingan pembentukan setinggan di beberapa buah negara sedang membangun.

Di Malaysia contohnya, penempatan setinggan banyak menggambarkan suasana 'kampung' seperti yang terdapat di kebanyakan penempatan setinggan di Kuala Lumpur dan kawasan setinggan yang terletak di sepanjang jalan kereta api seperti di Bukit Mertajam dan Alor Setar. Keadaan ini berlaku kerana latar belakang setinggan yang kebanyakannya berasal dari kawasan luar bandar. Cara hidup di desa dan struktur rumah kampung tidak dapat dipisahkan daripada cara hidup mereka. Penempatan setinggan secara kampung di Kuala Lumpur tidak terlalu sesak (David, 1993). Keadaan ini adalah kerana Kuala Lumpur bukanlah bandar '*primate*'. Maka tumpuan penduduk di negara ini pada satu bandar besar tidaklah sehebat seperti yang berlaku di Bangkok dan Manila.

Di Thailand pula, setinggan kebanyakannya membuat pondok kecil di sepanjang terusan. Kawasan ini telah menjadi tumpuan setinggan di sekitar Bangkok. '*Klong Toey*' ialah penempatan setinggan yang terbesar di bandar Bangkok. Panggilan '*Venice of The East*' yang diberikan kepada Bangkok disebabkan penggunaan terusan yang merupakan sistem perhubungan yang terpenting. Penempatan ini

mempunyai penduduk berjumlah 30,000 orang. Ianya adalah disebabkan oleh sifat bandar tersebut yang merupakan bandar '*primate*' di negara Thailand.

Di Kingston, Jamaica, tempat tinggal yang biasa didirikan adalah berupa pondok-pondok yang mempunyai satu atau dua bilik yang berdingkang kadkod, tin, kain atau gabungan unsur tersebut. Kebiasaannya pondok-pondok ini mempunyai keluasan tidak lebih daripada 70 kaki persegi dan menampung bilangan penghuni yang agak ramai. Keadaan tempat tinggal di negara Jamaica yang terlalu miskin ini ada kaitannya dengan ekonomi dan politik negara terlalu meruncing (David, 1993). Melalui perbandingan penempatan setinggan di beberapa buah negara tersebut, dapatlah dikatakan bahawa faktor geografi, sosiologi dan politik akan mempengaruhi corak penempatan setinggan setempat.

Langkah-Langkah Mengatasi Setinggan

1. Penempatan Semula Setinggan

Penempatan semula boleh ditakrifkan sebagai memindahkan setinggan dari satu kawasan setinggan ke suatu kawasan baru yang dicadangkan, sama ada kawasan kampung baru, rumah pangsa ataupun ke kawasan perumahan kos rendah yang dicadangkan khas untuk tujuan berkenaan. Penempatan semula setinggan bermula semasa darurat iaitu masyarakat Cina dipindahkan dari pinggir hutan ke kampung-kampung baru.

Kajian tentang langkah petempatan semula setinggan difokuskan di Kuala Lumpur kerana ia antara tumpuan setinggan yang berhijrah dari desa ke bandar. Dasar pelaksanaan dan penempatan setinggan 1978 sebagai contohnya dilaksanakan di Kuala Lumpur bagi mengatasi masalah setinggan yang semakin serius pada masa itu. Antara lain ianya mencadangkan supaya:

- (i) Setinggan yang menetap di kawasan yang tidak terlibat dalam pembangunan fizikal bandar dalam jangka lima tahun dibenarkan tinggal dalam kawasan tersebut. Kerajaan juga menyediakan pelbagai kemudahan asas kepada penduduk.
- (ii) Setinggan yang tinggal di kawasan yang terlibat dalam pembangunan fizikal akan dipindahkan ke perumahan formal seperti rumah pangsa; jika tidak mencukupi, ke rumah sementara yang dikenali sebagai rumah panjang sebelum rumah formal disiapkan. Mereka juga dipindahkan ke kawasan perumahan baru yang disediakan di bawah skim '*tapak dan khidmat*' (*site and services*).

- (iii) Menjalankan skim menaikkan taraf (*upgrading*) kawasan setinggan yang tersusun dan teratur yang tidak terlibat dalam pembangunan fizikal bandar. Kawasan ini akan menjadi kawasan sah dan hak milik tanah diberikan kepada penghuni berkenaan.
- (iv) Mengawal perkembangan setinggan dari segi jumlah dan ruang melalui pelaksanaan undang-undang yang ada.
- (v) Memusnahkan kawasan setinggan yang digunakan untuk tujuan lain daripada perumahan, dan kawasan yang diduduki oleh golongan bukan berpendapatan rendah.

Dasar yang dilaksanakan di Kuala Lumpur ini merupakan salah satu usaha kerajaan meningkatkan taraf perumahan bagi golongan miskin di Kuala Lumpur. Di samping itu, pihak swasta juga disarankan menyediakan perumahan kos rendah. Antara cadangan yang dikemukakan ialah:

- (i) Majikan hendaklah menyediakan tempat tinggal untuk pekerjanya yang berpendapatan rendah.
- (ii) Pemaju perumahan dikenakan syarat memperuntukkan 30 peratus daripada projek perumahan untuk golongan miskin.

Dasar penempatan semula setinggan ini mula dilaksanakan mulai tahun 1979 khususnya dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985).

2. Peruntukan Kewangan

Dalam menggalakkan pembinaan perumahan kos rendah bagi menangani masalah setinggan, belanjawan yang dibentangkan setiap tahun kini menumpukan kepada peruntukan untuk perumahan bagi golongan berpendapatan rendah. Belanjawan tahun 1994 misalnya telah memperuntukkan dana bernilai RM1.404 bilion bagi tujuan tersebut. Manakala Belanjawan tahun 1997 serta Rancangan Malaysia Ketujuh memperuntukkan lebih banyak sumber kewangan bagi membaik pulih dan membina semula rumah di luar bandar. Keutamaan juga diberikan kepada projek penambahan pendapatan serta penyediaan kemudahan asas yang mencukupi termasuk perumahan kos rendah. Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) juga menekankan kepada penyediaan lebih banyak rumah kos sederhana rendah yang berharga antara RM26,000-RM60,000 bagi membolehkan pembeli yang berpendapatan RM751-RM1500 membeli mengikut keutamaan.

Berdasarkan pada laporan RMK7, Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) serta Perbadanan Kemajuan Ekonomi bertanggungjawab menguruskan pembinaan perumahan awam dengan pemberian peruntukan oleh kerajaan pusat. Manakala pembentukan Syarikat Perumahan Negara (SPN) dengan modal permulaan RM1

bilion telah dinyatakan dalam Belanjawan 1997 bagi memastikan program perumahan yang diatur mencapai matlamatnya. Kerajaan turut menubuhkan tiga tabung khas iaitu Tabung Perumahan Untuk Rakyat Termiskin, Tabung Untuk Mempercepat Pembinaan Rumah Kos Rendah serta Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah.

3. Peranan Pihak Swasta

Peranan pihak swasta dalam pembinaan perumahan kos rendah bagi golongan miskin sering dipertikaikan oleh masyarakat iaitu penyelewengan pihak pemaju swasta yang mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan. Manakala pihak pemaju pula memberikan alasan kos pembinaan yang semakin meningkat serta sukar memperoleh keuntungan. Pemberian 30 peratus pembinaan perumahan kos rendah yang merupakan syarat minimum yang dikenakan ke atas pemaju perumahan juga tidak dipatuhi. Melalui RMK7, kerajaan mahukan pihak swasta memainkan peranan yang lebih luas dalam melaksanakan projek perumahan kos rendah. Pihak swasta dijangkakan membina kira-kira 570,000 unit atau 71.3 peratus daripada jumlah keseluruhan keperluan. Daripada jumlah yang akan dibina oleh sektor swasta, 24 peratus adalah rumah kos rendah dan 42.1 peratus rumah kos sederhana rendah. Kerajaan juga akan turut memberikan galakkan kepada pihak swasta supaya melaksanakan konsep bina-siap jual, dengan pihak pemaju menjual rumah yang telah siap dibina.

Peruntukan Tabung Perumahan Kos Rendah kepada pihak swasta dalam RMK7 untuk melaksanakan projek perumahan. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menerusi anak syarikatnya, Malaysia Building Society Bhd. akan turut serta dalam pembinaan rumah kos rendah. Institusi kewangan swasta turut digalakkan menyediakan peluang kepada golongan berpendapatan rendah menerusi penyediaan syarat pinjaman yang lebih baik dalam mengurangkan beban pembeli berpendapatan rendah membayar balik pinjaman mereka.

Kesimpulan

Masalah kekurangan perumahan awam di bandar besar seperti Kuala Lumpur dimanifestasikan oleh kehadiran setinggan. Masalah seumpama ini bukanlah khusus pada bandar seperti Kuala Lumpur sahaja, tetapi ianya juga berlaku di negara-negara maju yang lain di dunia. Isu kekurangan perumahan awam serta kehadiran setinggan telah banyak dibincang dan diperdebatkan. Sebarang usaha untuk mengatasi masalah setinggan pasti menghadapi pelbagai masalah yang bercorak politik, sosial dan ekonomi. Justeru, setinggan terus wujud dan ianya menjadi petanda kepada kepincangan pembangunan sesebuah negara.

Aktiviti pembangunan ekonomi sesebuah negara biasanya diukur dengan pertambahan keluaran serta pendapatan negara. Peningkatan ekonomi negara tidak membawa sebarang makna jika kekayaan negara gagal diagihkan untuk membangunkan kemudahan perumahan rakyat. Sesebuah negara itu belum mencapai tahap kemakmuran jika terdapat segelintir rakyatnya yang tinggal dalam keadaan sesak, tidak selesa dan penempatan haram. Maka, tanggungjawab terletak di tangan pihak pemerintah yang menentukan hala tuju pembangunan negaranya. Kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam usaha penyediaan unit perumahan yang mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah perlu dipertingkatkan bagi memastikan fenomena setinggan dapat dikurangkan.

Usaha pihak kerajaan dalam 'membersihkan' kawasan setinggan yang telah dijalankan oleh kerajaan negeri Selangor patut dicontohi oleh kerajaan negeri yang lain. Kerajaan negeri Selangor menetapkan sasaran pada tahun 2005 untuk memastikan negeri Selangor bebas daripada penempatan setinggan. Pihak pemaju perumahan swasta dan kerajaan dituntut untuk memberi komitmen yang tinggi dalam memastikan penyediaan rumah kos rendah mencapai tahap yang keperluan yang dirancang bagi memastikan usaha pemilikan rumah sendiri golongan setinggan dapat dicapai.

Rujukan

- David, Drakakis-Smith. (1993). *Perbandaran, perumahan dan proses pembangunan*. (Alip Rahim & Rahmat Azam Mustafa, Terj.). Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan, Universiti Sains Malaysia.
- Laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (1991). *Dasar Ekonomi Untuk Pembangunan Negara (DEPAN)*. Kuala Lumpur.
- Malaysia. (1991). *Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000*. Kuala Lumpur.
- Malaysia. (1970). *Rancangan Malaysia Kedua (1970-1975)*. Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. (1976). *Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980)*. Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. (1981). *Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985)*. Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. (1986). *Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)*. Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. (1991). *Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)*. Jabatan Percetakan Negara.
- Malaysia. (1996). *Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000)*. Jabatan Percetakan Negara.
- Marcus, M.G., Detwyler, T.R. et al. (1972). *Urbanization and environment in perspective*. California: Duxbury Press.
- Sulaiman, Salleh. (1977). *Pembangunan dan masalah sosial: Masalah hubungan kaum di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.